

# Melayu perlu kuasai ekonomi

UM NOV 1994

**K**UALA TERENGGANU 31 Okt. — Orang Melayu perlu menguasai dan membangunkan ekonomi negara supaya dihormati dan pada masa yang sama berkeupayaan meningkatkan martabat umat Islam, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, agenda dunia sekarang ialah ekonomi yang kini lebih berkesan daripada kekuatan politik dan ketenteraan.

Menurut beliau, banyak keputusan yang diambil oleh kuasa-kuasa besar untuk merobohkan kedaulatan negara lain dengan alasan isu hak asasi manusia, alam sekitar dan hak pekerja sebenarnya adalah berdasarkan kepada pertimbangan ekonomi.

"Oleh itu jika kita mahu dihormati, mengurangkan pengantungan kita kepada orang lain dan mahu mengangkat

martabat orang Islam, kita tidak dapat tidak mesti menguasai dan membangunkan ekonomi negara dan rakyat kita," tegasnya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap melancarkan Amanah Saham Darul Iman (ASDI) di Stadium Negeri di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis pelancaran itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Lela Perkasa Datuk Mohd. Azahar Othman selaku Pengerusi Permodalan Terengganu Berhad (PTB) badan induk ASDI.

Lebih 5,000 orang termasuk Menteri dan Timbalan Menteri, ahli Exco kerajaan negeri, para pemimpin masyarakat dari segenap lapisan menghadiri majlis pelancaran ASDI yang dilangsungkan dalam suasana berwarna warni.

Dr. Mahathir menambah, bidang ekonomi bukanlah sesuatu yang asing bagi orang Melayu apatah lagi orang Islam kerana Nabi Muhammad sendiri ialah seorang pedagang yang cekap.

"Terengganu juga pada satu ketika pernah menjadi pusat perdagangan yang sangat terkenal malah ahli geografi dan kaji bintang Greek, Ptolemy pernah merakamkan semasa hayatnya sekitar kurun kedua sebelum Masehi dua pelabuhan besar di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu.

"Kedua-dua pelabuhan itu ialah 'Perimula' yang dipercayai Kuala Sungai Terengganu dan 'Kole' yang dipercayai Kemaman," jelas beliau.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan boleh mewujudkan seribu satu peluang tetapi ia tidak akan berhasil jika perubahan sikap tidak terjadi.

Oleh itu, katanya, jika usahawan Melayu mengamalkan nilai-nilai murni, berjimat cermat, bersyukur, berdisiplin, tegas, berani, kuat kerja, sabar, amanah dan cekap, tiada sebab mereka tidak boleh berjaya.

Mengenai pelancaran ASDI, beliau menjelaskan, ia adalah permulaan satu era baru dalam agenda pembangunan Terengganu yang menunjukkan kerajaan prihatin dengan nasib rakyat.

"Terengganu telah membangun dengan pesat dan ASDI adalah salah satu daripada projek kerajaan yang pasti akan memberi manfaat kepada rakyat Terengganu," katanya.

Perdana Menteri juga menyifatkan pelancaran ASDI sebagai kena pada masanya sambil menambah, adalah amat wajar kekayaan negara yang wujud diagih dan dinikmati oleh semua golongan rakyat.

Menurutnya, pelaburan melalui saham amanah memberi peluang kepada semua rakyat untuk melabur dan ia bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk melihat kekayaan negara dapat dinikmati oleh semua rakyat.

Pelancaran saham amanah, tambah beliau,

bukan sahaja akan dapat menggalakkan lebih banyak bumiputera dalam bidang ekonomi dan perniagaan malah menggembleng sumber kewangan yang ada untuk membentuk satu kuasa melabur yang besar.

"Di zaman syarikat gergasi hari ini, bumiputera

harus memasuki perniagaan dan perusahaan yang gergasi juga bagi mengimbangi pembangunan bumiputera dan bukan bumiputera.

"Oleh itu melalui penglibatan saham amanah, rakyat dapat membantu mengembangkan ekonomi negara dan mempero-

lehi pulangan jangka panjang yang memuaskan dengan risiko yang minimum," jelasnya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan memang menggalakkan rakyat menabung dan kewujudan ASDI diharap dapat memupuk semangat menabung dan membanteras inflasi.